

# BULETIN KERJA RAYA



JILID 03/2013

JULAI 2013

ISSN : 1985-4595

[www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my)



## KKR & SPRM BERSAMA MEMBANTERAS RASUAH

- RM 10 Juta Naik Taraf Laluan Motosikal
- 25,000 Kontraktor Kecil Bumiputera diberi Keutamaan
- Penggunaan GPS bagi Sistem e-Site

# Sidang Redaksi

## **Penaung**

YBhg. Datuk Himmat Singh  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

## **Penasihat**

YABrs. Encik Sarani bin Dollah  
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)  
Kementerian Kerja Raya

## **Ketua Pengarang**

En. Devaraj Subramaniam

## **Pengarang**

En. Mohd Rizal bin Hashim  
En. Fauzi bin Baharudin  
Pn. Aisah binti Ghazali

## **Fotografi**

En. Rosdin bin Sabni  
Jurufoto, Unit Komunikasi Korporat  
Unit Perpustakaan &  
Sumber Jabatan Kerja Raya

## **Reka Bentuk/Pencetak**

OMR Press Sdn. Bhd.  
Tel: 03-8024 6396

## **Urusetia**

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:

## **Unit Komunikasi Korporat**

Kementerian Kerja Raya,  
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya,  
Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-8000 8000  
Faks : 03-2711 1101  
E-mel : pro@kk.gov.my  
www.kkr.gov.my

# Minda Pengarang

## Ke Arah Bersama Mencegah Jenayah Rasuah!

Usaha memerangi jenayah rasuah amat memerlukan komitmen dan sokongan yang berterusan daripada semua pihak. Ini kerana rasuah pada hari ini telah menjadi semakin kompleks dan rumit serta perlu ditangani dari akar umbi lagi. Melalui kerjasama bersepadu antara pelbagai pihak, punca-punca yang berkemungkinan mempengaruhi perlakuan jenayah rasuah akan dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Menyedari akan kepentingan pencegahan rasuah dan kepentingan integriti dalam organisasi, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengambil inisiatif dengan menjalin kerjasama melalui Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ke Arah Pembanterasannya dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 1hb. Julai 2013.

Ini jelas menunjukkan Kerajaan umumnya dan KKR khususnya begitu serius dalam mencegah sebarang kelakuan yang menjurus ke arah perkara yang tidak telus atau tidak berintegriti. KKR telah memastikan segala aktiviti dalam pengurusan kewangan Kerajaan, mematuhi undang-undang dan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Ini termasuk keadilan dan kesaksamaan dalam pemberian kontrak Kerajaan bagi memastikan pengurangan ketirisan dana awam bagi projek pembangunan Kerajaan.

Apa yang lebih penting, ia akan memberi manfaat kepada KKR dan agensi di bawahnya dalam meningkatkan integriti khususnya dalam aspek pembanterasannya jenayah rasuah secara menyeluruh dan berkesan serta memastikan perjalanan operasi organisasi ini bebas dari sebarang unsur rasuah.

~Pengarang~



## MoU Pembanterasannya Rasuah KKR – SPRM

KUALA LUMPUR, 1 Julai – Menyedari akan kepentingan pencegahan rasuah dan kepentingan integriti dalam organisasi, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengambil inisiatif dengan menjalin kerjasama melalui Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ke Arah Pembanterasannya Rasuah dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Dewan Tanjung, Kompleks Kerja Raya hari ini.

Majlis menandatangani MOU dimeterai antara Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya, YBhg. Datuk Himmat Singh dengan Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah YB Datuk Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kwan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Dato' Seri Ir. Hj. Mohd Noor Yaacob, YBrs. Encik Ravindran Devagunam, Pengarah NKRA Rasuah, Ketua Pengarah Agensi dan Jabatan di bawah KKR serta pegawai-pegawai kanan KKR dan SPRM.





# Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 KKR

KUALA LUMPUR, 27 Jun – Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2012 Kementerian Kerja Raya (KKR) telah berlangsung di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini. Seramai 911 orang penerima telah dianugerahkan APC 2012 dan buat julung kalinya seorang warga KKR telah menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC). Anugerah disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Datuk Fadillah Yusof, Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Ketua Setiausaha KKR, YBhg. Datuk Himmat Singh, serta beberapa pegawai kanan dan Ketua Agensi di bawah KKR.





## YB Menteri merasmikan Penutupan Kursus anjuran PKK

KUCHING, 30 Jun - YB Datuk Fadhillah bin Yusof, Menteri Kerja Raya telah sudi merasmikan Penutupan Kursus Pengukuran Kuantiti Projek dalam Pembinaan anjuran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Kerja Raya (KKR). Kursus ini merupakan salah satu usaha PKK untuk memberi pendedahan dan kemahiran kepada kontraktor berhubung pengurusan projek dan kuantiti dalam projek - projek pembinaan.

Kursus ini telah diadakan selama dua hari, bertempat di Hotel Merdeka Palace, Kuching dan di hadiri seramai 120 orang kontraktor daripada Gred G1 sehingga G7, dari seluruh daerah Negeri Sarawak termasuklah yang berada di Lawas dan Limbang. Para kontraktor yang hadir akan mendapat 20 mata CCD bagi tujuan pembaharuan lesen di peringkat CIDB dan kursus ini akan digunapakai untuk memperbaharui Sijil Taraf Bumiputera kontraktor PKK.





## 25,000 Kontraktor Kecil Bumiputera diberi Keutamaan

KUALA LUMPUR, 18 Jun - Kira-kira 25,000 kontraktor kecil bumiputera boleh menarik nafas lega apabila kerajaan memberi jaminan mengutamakan golongan itu dalam melaksanakan projek kerajaan yang akan dipelbagaikan.

Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, langkah tersebut dibuat supaya mereka mempunyai peluang dan ruang sama rata dengan para kontraktor lain, sekali gus mampu meningkatkan prestasi lebih baik.

Namun, jelas beliau, golongan tersebut perlu merebut peluang itu sebaik-baiknya dan melaksanakan mengikut prosedur dan masa ditetapkan agar tidak dipersalahkan jika berlaku kegagalan pelaksanaan projek berkenaan.

“Kementerian bersetuju untuk memberi projek kecil yang dipecahkan daripada projek besar kepada kontraktor Kelas F supaya mereka turut mendapat peluang.

“Langkah itu sebagai bukti bahawa kerajaan sentiasa mendengar suara kontraktor bumiputera dan tidak akan berhenti membawa suara mereka di peringkat atasan,” katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) peringkat Wilayah Persekutuan Ke-31, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Presiden PKMM, YBhg. Datuk Mokhtar Abdul Samad. Sementara itu, Mokhtar berkata, pihak persatuan amat menghargai langkah kerajaan itu demi membantu golongan kontraktor kecil bumiputera yang masih ketinggalan dalam industri pembinaan berbanding bangsa lain.

Beliau berkata, pihaknya turut menyarankan Kementerian agar mengkaji semula fungsi Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk bertindak sebagai pengawal bahan binaan yang boleh membekalkan bahan itu kepada golongan kontraktor Kelas F.

“PKK juga diminta bertindak sebagai agensi pelaksana yang bukan hanya sekadar mendaftarkan atau mengeluarkan taraf kontraktor bumiputera,” katanya. – UTUSAN MALAYSIA



# Lawatan Kerja YB Menteri ke Sabah



KOTA KINABALU, 13 Jun – Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Fadillah Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke Negeri Sabah. Antara tempat yang dilawati ialah Tapak Projek Naiktaraf Jalan Petagas – Lok Kawi dan Jalan Donggongan – Simpang Jalan Papar Spur (Pakej 1).

YB. Menteri turut mengadakan lawatan ke tapak tanah runtuh jalan Kota Kinabalu – Penampang – Tambunan – Keningau – Tenom bagi meninjau hasil kerja pembaikan yang telah dilakukan oleh pihak JKR Sabah. Lawatan kerja ini turut dihadiri Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR dan YBhg. Dato' Seri Ir. Mohd Noor Yaacob, Ketua Pengarah Kerja Raya.



Pada sebelah petangnya, delegasi YB. Menteri Kerja Raya telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Sabah, YAB. Datuk Seri Musa Haji Aman bertempat di Pejabat Ketua Menteri, Jabatan Ketua Menteri, Kota Kinabalu.





# Lawatan Kerja YB Menteri ke Sarawak

KUCHING, 14 Jun – Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Fadillah Yusof meneruskan lawatan kerjanya ke Negeri Sarawak hari ini. Acara lawatan dimulakan dengan satu sesi Dialog diantara delegasi bersama YB. Datuk Seri Michael Manyin anak Jawong, Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak, bertempat di bangunan MIDCom, Kuching.

Delegasi kemudiannya telah mengadakan kunjungan hormat bersama Ketua Menteri Sarawak, YAB. Pehin Sri Abdul Taib Mahmud. Lawatan kerja diteruskan dengan melawat SMK Demak Baru, Kuching bagi meninjau masalah keretakan bangunan dan tanah mendap yang dihadapi pihak sekolah terbabit. Turut serta dalam lawatan ini ialah YB. Puan Hajah Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali, Adun Samariang.

Delegasi KKR terdiri daripada Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR dan YBhg. Dato' Seri Ir. Mohd Noor Yaacob, Ketua Pengarah Kerja Raya serta pegawai kanan Kementerian.







## RM10 Juta Naik Taraf Laluan Motosikal Lebuhraya Persekutuan

KUALA LUMPUR 18 Jun - Kementerian Kerja Raya (KKR) memerlukan peruntukan kira-kira RM10 juta untuk menaik taraf 16 kilometer laluan motosikal seliaan JKR di sepanjang Lebuhraya Persekutuan.

Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Fadillah Yusof berkata, peruntukan itu untuk melaksanakan beberapa projek termasuk membesar dan membaik pulih laluan, menerangkan kawasan laluan gelap dengan lampu dan menyediakan pam air di laluan yang mudah berlaku banjir kilat.



"Akibat kedaifan dan kurangnya penyelenggaraan lorong motosikal ini, maka ramai pengguna motosikal telah beralih menggunakan jalan utama yang mempunyai kadar trafik dan risiko kemalangan yang tinggi.

"Justeru langkah membaik pulih ini bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna motosikal di lebuhraya ini," katanya kepada pemberita selepas meninjau lorong motosikal di Lebuhraya Persekutuan, di sini.

Lebuhraya Persekutuan yang dibina pada 1977 melibatkan laluan sepanjang 45 kilometer menghubungkan Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang menjadi nadi ekonomi dan laluan tulang belakang

kepada negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Ia juga dikenali sebagai lebuhraya pertama di Malaysia yang mempunyai lorong motosikal di negara ini.

YB. Datuk Fadillah berkata, sehingga kini JKR menerima peruntukan kira-kira RM1 juta setahun untuk kerja penyelenggaraan laluan berkenaan.



"Bagaimanapun untuk melaksanakan lebih banyak projek penambahbaikan, kami memerlukan peruntukan lebih daripada itu," katanya.

Awal tahun ini, JKR membelanjakan RM0.9 juta untuk membaik pulih cerun yang runtuh dan menyelenggara rumah pam terowong di kedua-dua arah berhampiran kilang Motorola di Sungai Way.

Keseluruhan panjang lorong motosikal di Lebuhraya Persekutuan FT02 (KL-Bandar Klang-KL) ialah sepanjang 56.8 kilometer yang melibatkan penyelenggaraan di bawah seliaan empat pihak iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sepanjang 4.8 kilometer, JKR (16km), Lebuhraya Sprint (4km) dan Lebuhraya Utara-Selatan (32km). - BERNAMA

# LPT2 Dijangka Siap Pertengahan 2014



KUALA TERENGGANU, 27 Mei – YB. Datuk Fadillah Yusof telah mengadakan lawatan kerja pertamanya sebagai Menteri Kerja Raya ke Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) hari ini bertujuan meninjau kemajuan kerja projek ini. Turut hadir ialah Exco Kerajaan Terengganu, YB. Ir. Rosli bin Othman (Pengerusi JK Kerja Raya dan Pengangkutan), YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR, Ketua Pengarah Agensi dan Pengurusan tertinggi KKR serta pegawai kanan JKR.

Program ini dimulakan dengan taklimat Projek LPT2 oleh Pengarah Pembinaan, YBrs. Tuan Ir. Adnan Ibrahim bertempat di Pejabat LPT2, Kuala Terengganu. Lawatan kerja dimulakan dengan meninjau kawasan Plaza Tol Kuala Terengganu dan seterusnya menyusuri jajaran dari Pakej 12 ke Pakej 9B sejauh 86.96km. YB. Menteri dan delegasi kemudian melawat Pejabat Tapak Pakej 9B sebelum bergerak pulang.

LPT2 merupakan sambungan daripada Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 dan merupakan laluan alternatif bagi Jalan Persekutuan 14 dan Jalan Persekutuan 3. Kerajaan telah bersetuju melaksanakan projek ini bermula Julai 2004, dari Jabor ke Kuala Terengganu (Kampung Gemuruh) sepanjang lebih kurang 184 km. Pembinaan LPT2 dilaksanakan melalui 12 pakej utama dan berdasarkan kepada penjadualan semula, keseluruhan projek ini dijangka akan siap dan dibuka sepenuhnya kepada lalulintas seawalnya pada pertengahan tahun 2014





## Malam Jasamu Dikenang



KUALA LUMPUR, 29 Mei - "Meneruskan dan mengekalkan kecemerlangan sedia ada sesuatu organisasi adalah lebih sukar daripada mencipta kegemilangan". Ia disuarakan oleh Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Fadillah Yusof sewaktu menyampaikan ucapan pada Majlis Malam Jasamu Dikenang, bertempat di Hotel Renaissance malam ini.

Majlis ini diatur bagi menghargai jasa dan sumbangan besar Mantan Menteri Kerja Raya dan Mantan Timbalan Menteri Kerja Raya iaitu YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor dan YBhg. Dato' Yong Khoo Seng. Turut hadir pada majlis ini ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR), Ketua Pengarah Agensi dan Jabatan, serta para pegawai kanan KKR.

Dalam ucapannya lagi, YB. Datuk Fadillah Yusof merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Mantan Menteri Kerja Raya dan Mantan Timbalan Menteri Kerja Raya di atas sumbangan dan komitmen mereka membawa Kementerian ini melakar beberapa pencapaian hebat. Kini, ia menjadi tanggungjawab beliau dan Timbalannya, untuk berusaha bersama-sama seluruh warga KKR meneruskan kegemilangan dan mencipta kejayaan di masa hadapan.





## Majlis Pertukaran TKSU(P) KKR

KUALA LUMPUR, 7 Jun – Majlis meraikan pertukaran mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Kerja Raya (KKR), YBhg. Dato' Haji Nasir bin Mat Dam telah diadakan di Dewan Sri Tanjung, Kompleks Kerja Raya hari ini.

Majlis yang berlangsung pada pukul 12 tengahari ini diadakan bagi meraikan pertukaran beliau ke Kementerian Pendidikan bermula 3 Jun 2013 memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Pengajian Tinggi. YBhg. Dato' Haji Nasir bin Mat Dam mula berkhidmat di Kementerian Kerja Raya (KKR) pada 25 Februari 2008 dan sepanjang berkhidmat di Kementerian ini, beliau telah banyak menabur bakti dan jasa terutamanya kepada perkhidmatan teras (Pembangunan).

Tetamu kehormat yang turut hadir memeriahkan majlis jamuan pertukaran ini ialah Ketua Setiausaha KKR, YBhg. Datuk Himmat Singh, pegawai-pegawai Kementerian serta Ketua Pengarah Agensi/Jabatan di bawah Kementerian ini.





# Majlis Penyerahan dan Taklimat Penggunaan Alat Peranti GPS bagi Sistem e-Site

KUALA LUMPUR, 28 Jun - Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia telah membangunkan Sistem Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan di dalam Rizab Jalan Persekutuan/Lebuhraya yang dikenali sebagai e-SITE pada tahun 2012. Justeru, bagi memudahkan semakan dan mengenal pasti lokasi permohonan sistem e-SITE, penggunaan alat peranti global positioning system (GPS) untuk sistem koordinat diperkenalkan. Ini memudahkan proses semakan dan ulasan terhadap permohonan yang diterima, sebelum diangkat untuk kelulusan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya Malaysia.



Sebanyak 24 alat GPS telah dibekalkan kepada JKR Daerah, Bahagian Senggara Fasilitas Jalan (BSFJ) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dalam satu majlis penyerahan alat tersebut yang disempurnakan oleh YBrs. Encik Zainudin bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), KKR bertempat di Bilik Cempaka, Kompleks Kerja Raya. Taklimat penggunaan alat GPS ini telah disampaikan oleh Encik Kelvin Chua daripada Allbright Technology Sdn. Bhd.





## Sesi Perjumpaan TKSU (O) Bersama Pegawai Muda KKR

KUALA LUMPUR, 14 Jun – Pihak pengurusan atasan Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengaturkan sesi perjumpaan Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), YBrs. Encik Sarani bin Dollah bersama pegawai muda Gred 41-44 hari ini bertempat di Dewan Tanjung, Kompleks Kerja Raya.

Majlis yang dikoordinasikan oleh Cawangan Pembangunan Modal Insan, BPSM ini merupakan satu pendekatan yang diambil bagi mewujudkan ruang komunikasi antara pegawai muda KKR bersama pengurusan atasan Kementerian dalam mencari formula terbaik untuk mewujudkan kesepakatan dalam melaksanakan tugas seharian. Selain itu sesi ini juga dilihat sebagai satu landasan terbaik untuk mewujudkan hubungan dua hala yang dinamik bagi mendapatkan input berguna dari pegawai muda dalam usaha untuk mentransformasikan perkhidmatan Kementerian ke tahap yang lebih baik.

Majlis telah dimulakan dengan perkongsian ilmu oleh YBrs. TKSU(O) sebelum diakhiri dengan sesi interaksi bersama-sama 69 orang pegawai muda yang hadir.



# Bilik Rehat Pemandu – Tanda Penghargaan KKR



KUALA LUMPUR, 2 Mei – Sebagai menghargai perkhidmatan para pemandu di Kementerian Kerja Raya (KKR), pihak pengurusan atasan melalui YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR telah berbesar hati meluluskan permohonan untuk menyediakan satu bilik persinggahan pemandu. Bilik ini terletak di tingkat bawah Blok B dan mula beroperasi pada awal Februari tahun ini.

Berhubung perkara tersebut, satu majlis merasmikan Bilik Rehat Pemandu telah diadakan pada hari ini oleh YBrs. Encik Sarani bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KKR. Menurut beliau, bilik tersebut merupakan satu kemudahan kepada para pemandu supaya mereka dapat berehat dengan selesa serta ia merupakan satu tanda penghargaan atas perkhidmatan mereka yang dilihat penting dalam organisasi KKR. Harapan beliau adalah supaya para pemandu dapat menjaga kemudahan tersebut berdasarkan akujanji yang telah ditandatangani oleh setiap pemandu.

Para pemandu pula melahirkan rasa syukur atas penghargaan yang diberi dan ia merupakan peluang terbaik bagi semua pemandu untuk mewujudkan semangat berpasukan apabila dapat berkongsi ilmu dan pengalaman sesama mereka. Ia dizahirkan melalui temubual bersama Encik Mohd Rozi bin Ibrahim dan melalui ucapan wakil pemandu, Encik Omar bin Yahya. Majlis ini turut dihadiri SUB Pentadbiran, SUB Kewangan serta beberapa kakitangan yang terlibat dalam menguruskan hal ehwal pemandu.

# KERATAN AKHBAR

## Projek lebuh raya sepanjang 184 kilometer capai kemajuan 88.5 peratus LPT2 siap September 2014

**KUALA LUMPUR 22 Julai** – Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) mengalami kelewatan dijangka dan siapkannya (dan dibuka ke arah laluan) menjelang September 2014.

Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah berkata, sehingga 30 Jun lalu, projek raya sepanjang 184 kilometer itu telah capai kemajuan fizikal sebanyak 88.5 peratus.

Katanya, projek yang dimulakan pada 2006 itu mengalami kelewatan berbanding 10 daripada 16 pakej utas pakej yang ditamatkan dan ditender kerana kontraktor-kontraktor terliar menarik diri akibat kenaikan harga



**PLUS contributes 10 cruisers to traffic cops**  
INSPECTOR GENERAL of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar (second GT) by PLUS Malaysia Berhad (PLUS) to the Royal Malaysian police presented during the function which was attended by PLUS Malaysia managing director Datuk Noorizan Abdul Hamid. Khalid said the (MPV) unit. He said the MPV unit had managed to bust a drug a firearms with live bullets in Ploegoh over the last two months. "I PLUS for supporting us in fighting crime," he said. — BERHAMA

### Permudah industri

**CIDB keluar unjuran nilai kerja, bahan binaan hujung tahun ini**

Datuk Seri Anwar Ibrahim (DAP) berkata, kerajaan perlu memastikan industri binaan dan pembinaan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap projek-projek yang sedang dijalankan. Beliau berkata, kerajaan perlu memastikan projek-projek yang sedang dijalankan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap projek-projek yang sedang dijalankan.

## 60,000 kad tambah nilai percuma

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 60,000 kad tambah nilai edisi terhad Panadol MyPLUS Miles bernilai RM1 juta akan diedaran secara percuma kepada pengguna jalan raya sepanjang Ramadan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Touch 'n Go, Abdul Karim Md Lassim, berkata pendedaran kad tambah nilai itu sempena Kempen Panadol 'Sentiasa Bersedia' bagi memudahkan pengguna jalan raya.

**'It'll be a highway**  
Upgrading work on 400-km Sibu-Miri stretch to be completed by end of 2014.

INSPECTOR GENERAL of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar (second GT) by PLUS Malaysia Berhad (PLUS) to the Royal Malaysian police presented during the function which was attended by PLUS Malaysia managing director Datuk Noorizan Abdul Hamid. Khalid said the (MPV) unit. He said the MPV unit had managed to bust a drug a firearms with live bullets in Ploegoh over the last two months. "I PLUS for supporting us in fighting crime," he said. — BERHAMA



## Bayaran cepat, elak berbaris panjang

### Pemberian Kad Touch 'n Go sebanyak 65,000 keping bernilai RM1 juta diedaran secara percuma bermula 2 Ogos

**SENTIASA BERSEDIA**

Kad Touch 'n Go bernilai RM1 juta akan diedaran secara percuma kepada pengguna jalan raya sepanjang Ramadan ini. Ketua Pegawai Eksekutif Touch 'n Go, Abdul Karim Md Lassim, berkata pendedaran kad tambah nilai itu sempena Kempen Panadol 'Sentiasa Bersedia' bagi memudahkan pengguna jalan raya.



## 183 kakitangan JKR Perak terima anugerah

**PENGHARAPAN** Semasa 183 kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 di Bangunan Pusat Darul Ridzuan, Ipoh semalam.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Zairi Anwar, berkata, anugerah itu diberikan kepada kakitangan yang telah berkhidmat dengan JKR Perak dengan cemerlang dan berdedikasi.

## Wajib tandatangan ikrar integriti 2014

Kontraktor perkhidmatan projek kerajaan wajib tandatangan ikrar integriti 2014.

Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah, berkata, ikrar integriti ini bertujuan untuk memastikan integriti dan kejujuran dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan.

## RM4.8bil in toll collected

### PLUS netted RM2.4bil from North-South Expressway last year

The country's 28 highway concessionaires collected a total of RM4.8bil in toll for the whole of last year, says Works Minister Datuk Fadillah Yusof.

He said PLUS Expressways Bhd collected RM2.4bil from the North-South Expressway, Seremban-Port Dickson Highway (RM24.62mil) and the Sprint Highway (RM111.84mil).

"The toll collections are used by the concessionaires to pay back their commercial debts and bank loans. Other payments are made to cover the capital expenditures and operational costs and also maintenance of the highways," he said in a written reply to Anthony Loke (DAP-Seremban).

Loke had asked the Government to reveal the toll collection by the concessionaire for 2012.

The toll collection from the Malaysia-Singapore Second Link Expressway was RM115.94mil, Ampang-Kuala Lumpur Elevated Highway (RM30.51mil) and Guthrie Corridor Expressway (RM46.89mil).

On another matter, Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim said the proceedings in the Dewan Rakyat on Wednesday had to be extended after midnight after the House approved a "stop the clock" motion to complete the day's business.

ISSN 1985-4595

9771985459008